

DATE: 17/4/2010

Lawatan ke AS paling berhasil

BH - 17/04/2010

PM dapat rasakan perubahan sikap pemimpin Amerika terhadap Malaysia

Mior Kamarul
Shahid
di Washington



DATUK Seri Najib Razak menyifatkan lawatan kerja beliau ke Amerika Syarikat (AS), khususnya di sini sebagai paling berhasil berbanding lawatan yang pernah dilakukan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, beliau dapat rasakan perubahan sikap pemimpin AS terhadap Malaysia.

Katanya, ia bukan saja sikap Presiden Barack Obama dan pentadbirannya tapi menjangkau ke Capitol Hill, ketika berbincang dengan senator dan ahli Kongres selain pemimpin sektor swasta.

Najib mengadakan perbincangan dua hala dengan Obama, Isnin lalu sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di sini.

Beliau juga menemui pemimpin kanan kerajaan, ahli kongres, senator, kapten sektor industri, pelabur dan lain-lain.

Bercakap kepada wartawan Malaysian sebelum berlepas ke New York petang semalam, Najib berkata media juga dapat melihat perubahan sikap AS terhadap Malaysia.

"AS hari ini menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat strategik dalam kerangka kerjasama



NAJIB bersama rombongan mengadakan perbincangan dengan Holbrooke (dua dari kiri) di Washington.

yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

"Pertemuan dengan Obama dilihat sebagai satu isyarat kesungguhan dan pengiktirafan yang amat nyata terhadap sikap baru AS terhadap Malaysia.

"Ia juga pengiktirafan terhadap potensi hubungan dua hala dan peranan yang boleh dimainkan negara dalam konteks inisiatif keselamatan, perdagangan, pelaburan, malah Malaysia sebagai model negara Islam moden, progresif dan diiktiraf sebagai sebuah negara yang semakin berjaya," katanya.

Malah, Perdana Menteri berkata sikap sektor swasta terhadap peluang untuk menambah pelaburan di Malaysia adalah lebih positif.

"Dalam pertemuan yang di-

adakan, mereka membayangkan keinginan untuk menambah pelaburan mereka terutama bidang yang dapat memberi peluang pekerjaan pada peringkat nilai tinggi.

"Ini membabitkan syarikat yang sudah pun mem-

“AS hari ini menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang sangat strategik dalam kerangka kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara”

Najib Razak
Perdana Menteri

punyai pelaburan di Malaysia, terutamanya untuk membesarkan pelaburan mereka," katanya.

Malah, ada syarikat yang kukuh yang tersenarai syarikat Fortune 500 mengemukakan cadangan tertentu.

Dalam pertemuan dengan pemimpin teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan bioteknologi, Najib berkata mereka berhasrat menjadikan Malaysia sebagai negara inovatif ekonomi.

Mengenai pembabitkan di Afghanistan, Najib berkata bantuan dicadangkan akan dihalusi kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan dan angkatan tentera. Ia hanya bantuan perubatan dan bantuan kepada orang awam.

Pagi semalam, Najib mengadakan perbincangan

sambil sarapan dengan Senator Republikan, Kit Bond di Dewan Perniagaan dan Perusahaan AS. Kemudian Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan: Peluang di AS di Dewan Perniagaan dan Perusahaan.

Perdana Menteri kemudian makan tengah hari bersama kumpulan percambahan idea, diikuti mesyuarat dengan Presiden Bank Dunia, Robert B Zoellick.

Najib juga menemui beberapa wakil kanan media sebelum berbincang dengan Wakil Khas AS ke Afghanistan dan Pakistan, Duta Richard Holbrooke.

Sebelum berlepas ke New York, Najib menemui Pesuruhjaya PGA Tour, Timothy W Finchem.